



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

IKLAN:

Ruj.: Bil. (2) I / SBPK / 2024

PELAWAAN PERMOHONAN SKIM BANTUAN PERTANIAN KELOMPOK (SBPK) SIRI KE-2 TAHUN 2024

1.0 **MAKLUMAT AM**

- 1.1 Program Skim Bantuan Pertanian Kelompok (SBPK) merupakan program baru yang dianjurkan oleh Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA untuk memberi peluang kepada kelompok komuniti dalam wilayah KEJORA bagi melaksanakan projek pertanian.
- 1.2 Objektif pelaksanaan Skim Bantuan Pertanian Kelompok (SBPK) ini adalah sepertimana berikut:
 - i. Membantu pengusaha pertanian berkelompok yang berpotensi dan berdaya maju untuk mengembangkan lagi projek pertanian yang sedang diusahakan.
 - ii. Membantu pengusaha pertanian berkelompok yang berpotensi dan berdaya maju untuk mengurangkan kos peralatan dan input pertanian serta kos pengoperasian yang semakin meningkat.
 - iii. Meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian berkelompok melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, penggunaan teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.
- 1.3 Pelaksanaan program ini juga boleh melahirkan usahawan pertanian contoh di wilayah KEJORA serta seiring dengan matlamat kerajaan untuk menggalakkan bidang keusahawanan kepada pengusaha-pengusaha pertanian.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan program adalah terbuka kepada pemohon dari kategori **BERKELOMPOK** (Badan-badan NGO / Koperasi / Syarikat Perkongsian / Peserta projek-projek ekonomi berkelompok KEJORA yang masih beroperasi atau Peserta Projek Desa Lestari dan lain-lain) dengan syarat-syarat dan terma-terma sepertimana berikut:
- i. Pemohon hendaklah merupakan penduduk di dalam wilayah KEJORA **dan/atau** lokasi projek di dalam wilayah KEJORA.
 - ii. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **satu (1) tahun dan keatas** dalam bidang pertanian (tanaman, ternakan, perikanan atau industri asas tani);
 - iii. Penubuhan organisasi mestilah berusia sekurang-kurangnya **dua (2) tahun dan keatas** pada tahun permohonan;
 - iv. Pemohon telah melaburkan modal sekurang-kurangnya **RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja) dan keatas** bagi projek yang dilaksanakan;
 - v. Pemohon mestilah berstatus **Bumiputera**;
 - vi. Had pembiayaan keatas projek adalah maksimum sehingga **RM50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu Sahaja)** bagi setiap projek;
 - vii. Jenis perniagaan adalah seperti berikut;
 - a. Tanaman
 - b. Ternakan
 - c. Perikanan
 - d. Industri Asas Tani
 - viii. Jenis bantuan yang diberikan adalah merangkumi skop berikut:
 - a. Pembekalan peralatan/input pertanian
 - b. Pengurusan dan pengoperasian projek
 - c. Perundingan
 - d. Pengendalian lepas tuai (pembungkusan, pelabelan, pemasaran dan sebagainya)
 - e. Kerja-kerja fizikal
 - f. Lain-lain mengikut keperluan sebenar projek

- ix. Syarat-syarat lain adalah:
- a. Memiliki tapak projek
 - b. Memiliki akaun projek
 - c. Memiliki sijil kursus & latihan pertanian;
 - d. Mengemukakan kertas cadangan perniagaan
 - e. Mengemukakan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, pendaftaran koperasi/syarikat, pendaftaran perniagaan, penyata bank dan mendapatkan pengesahan daripada majikan/ penghulu/ Ketua Kampung/Pegawai A Kumpulan Pengurusan & Profesional Kerajaan

2.2 Pemohon-pemohon yang berjaya untuk menyertai program ini akan dikenakan syarat-syarat kelulusan tawaran sebagaimana berikut:

- i. Peserta yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani borang "Aku Janji" yang telah disediakan.
- ii. Peserta yang berjaya hendaklah memastikan peralatan dan input-input pertanian yang dibekalkan digunakan dan dijaga dengan baik.
- iii. Peserta yang berjaya dikehendaki untuk mengemukakan Laporan Prestasi Projek secara berkala kepada KEJORA pada setiap suku tahun iaitu tiga (3) bulan sekali.
- iv. Peserta yang tidak melaksanakan projek selama tiga (3) bulan berturut-turut boleh dibatalkan daripada program ini. Pihak KEJORA juga berhak untuk mengambil semula perbekalan peralatan yang masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan untuk diberikan kepada peserta lain yang layak.
- v. Peserta hendaklah membenarkan pegawai atau anggota-anggota KEJORA pada bila-bila masa memasuki, memeriksa dan melawat kawasan projek.
- vi. Peserta hendaklah bersedia memberikan penerangan dan maklumat yang dikehendaki oleh pihak KEJORA pada bila-bila masa yang diperlukan.

3.0 PERMOHONAN

3.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi secara percuma melalui kaedah berikut:

- i. Memuat turun di laman web KEJORA : www.kejora.gov.my, atau;
- ii. Mengisi borang permohonan secara atas talian melalui *google form* iaitu: <https://forms.gle/Ma2Qoa5FzW8AAahv8> atau;
- iii. Mendapatkan borang permohonan di ibu pejabat KEJORA sepertimana alamat berikut:

**LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA,
BANGUNAN IBUPEJABAT KEJORA,
JALAN DATO' HJ. HASSAN YUNUS,
BANDAR PENAWAR,
81930 BANDAR PENAWAR,
JOHOR.**

3.2 Permohonan yang lengkap perlulah dikembalikan kepada alamat diatas atau emelkan ke pro@kejora.gov.my atau pertanian@kejora.gov.my

3.3 Tarikh tutup permohonan adalah pada **03 DISEMBER 2024 (SELASA) sebelum jam 12.00 tengahari**. Borang yang diterima selepas daripada tempoh tersebut tidak akan diterima dan diproses.

3.4 Sekiranya tiada sebarang jawapan dalam **tempoh 60 hari daripada tarikh iklan ditutup**, maka permohonan tuan/puan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

3.5 Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi **Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA** di talian **07-8843000** atau **07-8843156**.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,
b.p. Pengurus Besar KEJORA

Tarikh Iklan : 04 NOVEMBER 2024 (ISNIN)